

# Sistem demerit mampu kurangkan kemalangan

CADANGAN Ketua Trafik Pasukan Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner II Nooryah Md Anuar agar Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) menghidupkan semula sistem pemberian mata demerit supaya dapat mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya di negara kita perlu diberi perhatian sewajarnya.

Cadangan ini dibuat ekoran kadar kematian di jalan raya yang sangat tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Dan, hal ini membimbangkan pelbagai pihak kerana sejak empat lima tahun kebelakangan ini, angka kematian bagi setahun tidak pernah kurang daripada 6,000 nyawa. Dalam pada itu, ekoran daripada kemalangan dan kematian, kita terpaksa menanggung pelbagai bentuk kerugian apatah lagi dalam aspek sumber tenaga manusia yang mampu menjana ekonomi negara.

Jika sistem demerit diteruskan dan dirasakan dapat mencapai matlamat untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian, eloklah sistem ini dikuatkuasakan demi kebaikan bersama.

Kita memahami bahawa jika tindakan menggantung lesen itu boleh mengurangkan sedikit pendapatan kerajaan sehingga sistem ini dihentikan, pengorbanan ini perlu dilakukan semula untuk mengatasi masalah yang lebih besar iaitu kerosakan harta benda dan kehilangan nyawa.

## Mendidik

Sistem pemberian mata bagi setiap kesalahan yang dilakukan oleh pengguna jalan raya setidak-tidaknya akan mendidik pengguna agar lebih berhati-hati apabila menggunakan jalan raya. Jika mata yang terkumpul hampir sampai ke peringkat lesen akan digantungkan atau dibatalkan, sudah tentu pengguna jalan raya akan lebih berdisiplin di jalan raya.

Sistem demerit yang diperkenalkan di negara kita pada tahun 1997 tetapi tidak dipraktikkan ini tentunya menjadi tanda tanya kepada pelbagai pihak. Jumlah kematian yang berpunca daripada kemalangan di jalan raya di negara kita

Um - 30/1/2007  
pula sering kalinya menjadi isu sehingga terpaksa mengadakan Ops Sikap pada setiap kali musim perayaan.

Justeru, penguatkuasaan sistem demerit adalah perlu untuk menangani masalah ini. Malah, dalam pelaksanaannya, tentulah kita mesti menekankan golongan penunggang motosikal kerana mereka menjadi penyumbang terbesar kematian di jalan raya.

Saya dapati, akhir-akhir ini, ramai penunggang motosikal yang membela-kangkan ciri-ciri keselamatan motosikal termasuk ketiadaan cermin sisi, sedangkan suatu masa dahulu, pelbagai operasi diadakan untuk membanteras masalah ini.

Begitu juga penggunaan nombor plat bagi motosikal yang sangat kecil sehingga menyukarkan kita mengecam nombor plat motosikal tersebut jika berlaku sesuatu kecemasan, sedangkan suatu masa dahulu, nombor pendaftarannya besar, boleh dilihat dan dicam nombornya sehingga hampir 200 meter.

Adalah amat dikesalkan jika dalam soal kecil seperti ini menjadi seperti permainan tarik tali iaitu sekejap boleh dan

sekejap tidak boleh ini berlanjutan dalam soal-soal melibatkan keselamatan.

Iniilah yang membuatkan pengguna jalan raya menjadi tidak serik ketika berada di jalan raya, dan tidak takut melakukan kesalahan kerana mereka merasakan penguatkuasaan itu tidak mendatangkan kesan kesedaran kepada mereka.

Bagaimanapun, kita tentunya berasa lega kerana pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan dalam menangani masalah kemalangan dan kematian di jalan raya. Pendidikan mengenai keselamatan jalan raya akan diperkenalkan di sekolah rendah bermula pada 2 April nanti dan melibatkan 978 buah sekolah terpilih di seluruh negara.

Walaupun kesannya tidak dapat dilihat dalam masa terdekat, diharap mata pelajaran ini dapat dikekalkan kerana ia akan memberi kesan positif kepada generasi akan datang dan bagi generasi kini, mereka mesti sedar bahawa kematian di jalan raya itu meragukan pelbagai pihak.

- M. JASNI MAJED,  
Bukit Kapar, Selangor.